

Kisah Kejayaan

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	PI1M KG SG.MASIN
Location Lokasi	KG SG.MASIN, BATANG KALI, HULU SELANGOR
Name of person(s) Nama	NORAZILA BT NOR AZLAN
Details of person (s) Butiran diri	Umur 21 Tahun Jantina : Perempuan Taraf pendidikan : • Sek.Men Syed Masyor • PICOMS (Pusrawi International College of Medical Sciences) = Diploma in Environmental Health
Success story Kisah kejayaan	1. Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda Sebagai seorang pelajar, internet bukan sahaja memudahkan kerja malahan menjadi satu keperluan kepada generasi zaman sekarang.segala-galanya perlu menggunakan internet, tidak mengira keperluan untuk pembelajaran, malahan keperluan untuk berbisnes juga. Tambahan pula sejak saya melanjutkan pelajaran ke kolej, segala keperluan dan pengumuman dibuat menerusi emel dan aplikasi chat social. Saya juga menggunakan internet untuk mencari peluang pendidikan seperti mencari kekosongan di kolej-kolej swasta sebelum saya diterima masuk di PICOMS. 2. Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet. Setelah saya tamat SPM, saya menyambung pembelajaran ke Tingkatan 6, oleh kerana saya mengalami masalah kesihatan, saya tidak dapat menyambung pelajaran hingga ke akhirnya. Atas sokongan dan dorongan dari pihak keluarga saya menjadi semakin pulih dan saya berusaha untuk menyambung

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	pembelajaran dan akhirnya saya diterima masuk ke kolej swasta. Saya tidak berputus asa untuk mencari Kolej-kolej dan university melalui internet yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan saya. Dengan adanya kemudahan internet, segala keperluan boleh dicari dengan mudah. Hanya klik sahaja dan segala informasi yang dikehendaki ada di hujung jari.
Keterangan gambar Photo caption	Norazila yang menggunakan perkhidmatan WIFI dan Printing di Pi1M.
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	Norazila yang menghadiri kelas dan bengkel di Pi1M (sebelah kanan sekali)

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 (Norazila yang berda di tengah)
Feedback Maklumbalas	1. Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M? Sejak Pusat Internet dibuka, saya dan keluarga amat teruja kerana kami tidak perlu lagi ke pekan untuk melayari internet. Tambahan pula, bukan sahaja kemudahan internet ditawarkan malahan bengkel dan latihan juga ada diadakan. Saya juga tidak melepaskan peluang untuk mengikuti segala kelas dan aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat Internet. 2. Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M? Tarikan utama saya datang ke tempat ini adalah untuk belajar asas komputer dan internet serta membayar bil-bil utility. Oleh kerana tempatnya agak strategic dan persekitaran yang bersih, saya selalu datang bersama sepupu dan emak saya. Saya juga tidak melepaskan peluang untuk menggunakan perkhidmatan yang lain seperti fotostet dan cetakan lain. Ini dapat memudahkan saya tanpa perlu pergi ketempat yang berlainan dalam satu-satu masa. Ini juga dapat menjimatkan masa lebih-lebih lagi bagi seorang pelajar seperti saya. Walaupun setelah melanjutkan pelajaran di tempat yang lain, saya masih juga hadir ke Pusat Internet untuk menyiapkan tugas yang diberi kerana Pusat Internet memberi perkhidmatan Wifi secara percuma kepada pengunjung yang membawa komputer riba. 3. Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	lain? Pada pemerhatian saya, denagn wujudnya Pusat Internet di satu-satu tempat, ia sedikit sebanyak dapat membantu para penduduk setempat bukan dari segi pengetahuan berkenaan perkomputeran, malahan juga dari segi taraf hidup. Contohnya seperti kursus dan latihan keusahawanan. Para penduduk setempat seharusnya tidak melepaskan peluang untuk menghadiri ke kelas – kelas yang diadakan lebih – lebih lagi pengunjung hanya membayar yuran hali untuk menghadiri ke kelas tersebut. 4. Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain. Pada pendapat saya, Pusat Internet juga seharusnya diwujudkan bukan sahaja di kampung-kampung malahan di bandar- bandar juga. Ini kerana perkhidmatan di Pusat internet pada pandangan saya tidak terhad pada memberi perkhidmatan internet yang percuma malahan sebagai one-stop centre. Contohnya Pusat Internet di kawasan bandar yang juga terdapat golongan miskin yang dipanggil urban poor. Saya berharap agar usaha dari pihak tertentu dapat membantu golongan yang tidak bernasib baik untuk mereka mengubah gaya dan taraf hidup mereka menjadi lebih baik.